

PROSODI DALAM SYAIR MELAYU: FUNGSI DAN PRAKTIS

Indirawati Zahid

indirawati@um.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Abstrak

Penyelidikan ini membincangkan fungsi prosodi dalam syair Melayu. Dalam kasus syair Melayu, prosodi ternyata digunakan secara optimum dalam menyampaikan mesej yang tersurat dengan makna emosi. Pernyataan ini berlaku kerana struktur dan bentuk syair itu sendiri yang tidak terikat dengan bentuk nahu yang sempurna, iaitu memiliki *poetic licence*. Bagi membuktikan pernyataan ini, satu penyelidikan telah dijalankan dengan menggunakan lima metodologi, iaitu meliputi kerja lapangan, temu ramah, rakaman audio, eksperimental dan analisis data. Kerja lapangan dan pengumpulan data dilakukan di lokasi Semenanjung Malaysia yang dibahagikan kepada empat zon, iaitu Utara, Selatan, Timur dan Barat, juga di Sabah dan Sarawak, di Indonesia, Pekan Baru dan Medan serta Brunei Darussalam di Bandar Seri Begawan. Di setiap lokasi, informan yang terpilih, nyanyian syairnya akan dirakamkan untuk memperoleh variasi melodi syair. Data audio ini kemudiannya dianalisis melalui program PRAAT. Dapatan analisis memperlihatkan berlaku dua kasus, iaitu segmentasi unit maklumat dan penggunaan fitur prosodi secara optimum dalam penyampaian syair Melayu.

Kata kunci: prosodi, segmentasi, stilisasi, unit maklumat, pola

Abstract

This research examines the function of prosody in Malay syair, a genre of Malay traditional poetry. Prosody in syair is optimised to convey its message together with emotional meaning. This is due to the poetic licence of the Malay syair, in which structure and form are not subjected to rigid grammar. To prove this assertion, research was conducted using five methods, namely fieldwork, interviews, audio recordings, experimental and data analysis. Fieldwork and data collection were conducted in various locations in Malaysia. These locations were divided into four zones; North, South, East and West; as well as in Sabah and Sarawak. Additional locations in Indonesia were Pekan Baru and Medan and, in Brunei, Bandar Seri Begawan. In each location, all selected informants were asked to recite Malay syair with various types of melody; these recitals were recorded. The resulting audio data were then analysed using the PRAAT programme. The analysis shows the existence of two cases: segmentation of information units and the optimisation of prosodic features in the recital of syair.


Keywords: prosody, segmentation, stylisation, information units, pattern

PENDAHULUAN


Komunikasi lisan yang berlangsung antara seseorang individu dengan seseorang individu yang lain diiringi dengan penggunaan fitur prosodi yang tertentu. Penggunaan fitur prosodi ini adalah untuk memastikan sesuatu objektif komunikasi yang ingin disampaikan tercapai. Penggunaan fitur prosodi ini tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya, sebaliknya penggunaan mana-mana fitur prosodi sering kali terancang dalam minda seseorang penutur sama ada secara disadari ataupun tidak kerana penggunaan fitur ini berhubungan rapat dengan kompetensi berbahasa seseorang individu itu. Justeru, lazimnya perancangan bagaimana sesuatu lafaz itu harus dilakukan berlangsung serentak semasa proses berfikir berlaku. Sehubungan dengan itu, setiap lafaz yang terujar melibatkan antaranya pergerakan kelangsingan (*pitch movements*), iaitu turun naik nada, kuat atau perlahan (kelantangan suara), cepat atau perlahan (*tempo*) apabila lafaz ujaran berlaku. Fitur prosodi yang dinyatakan tersebut merupakan antara sesuatu yang wajib ada kerana tanpa pergerakan kelangsingan, kelantangan suara, tempo dalam ujaran, maka ujaran tersebut akan dilabelkan sebagai *monotonous*, iaitu senada, yang tidak membawa

INDIRAWATI ZAHID

erti apa-apa, sebaliknya ujaran yang terlafaz akan kedengaran seperti lafaz robot yang diprogramkan tanpa mempunyai perasaan. Rajah yang berikut memperlihatkan perbezaan signal akustik, bunyi rakaman bacaan berita RTM, yang berintonasi dengan *monotonous*.



Rajah 1 Lafaz Berintonasi




Rajah 2 Lafaz *monotonous*


Rajah 1 dan Rajah 2 memperlihatkan perbezaan ketara yang berlaku apabila sesuatu lafaz diujarkan. Lafaz yang berintonasi memperlihatkan kerencaman pergerakan kelangsingan yang berlaku, kelantangan suara dan tempo tertentu. Manakala lafaz *monotonous* pula merupakan lafaz berintonasi yang telah dimanipulasi dengan menjadikannya senada, iaitu tiada pergerakan kelangsingan, kelantangan suara dan tempo yang statik. Dalam komunikasi, lafaz *monotonous* tidak berlaku, baik dalam komunikasi lisan mahupun dalam lafaz karya sastera lisan.

Lanjutan itu, tentu sekali keadaan ini tidak berlaku kepada manusia yang normal, yang sempurna akal fikiran dan tidak mengalami sebarang kecacatan alat artikulasinya. Sebagai anggota masyarakat yang mempunyai sistem dan struktur bahasa yang tertentu, lafaz *monotonous* ini tidak dapat diterima sebagai ujaran yang bermakna dan beremosi sebaliknya akan kedengaran lucu pula. Sila rujuk buku-buku tatabahasa awal seperti (Za'ba, 2000), (Asmah Haji Omar, 1986, 2008), (Nik Safiah Karim *et al.*, 2008), tesis PhD Indirawati Zahid, 2003 dan artikel tentang prosodi yang dibincangkan oleh Indirawati Zahid, serta buku *Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu*, 2006. Apa yang berlaku secara teori dan praktisnya, lafaz ujaran akan disertai dengan fitur prosodi yang tertentu dan kesemuanya berfungsi membawa makna emosi dalam sesuatu ujaran yang terlafaz.


Dalam semantik, makna bagi setiap kata, frasa, klausa dan seterusnya ayat pada setiap peringkatnya akan hanya memberikan makna nahu sahaja, sekiranya kesemua unit bahasa ini dilihat dalam bentuk teksnya. Sebaliknya pula, jika fitur prosodi dimanipulasikan, maka makna emosi yang sebenarnya akan diperoleh. Perhatikan grafik signal akustik yang berikut, iaitu lafaz kata coklat dilafazkan dengan lafaz yang berbeza.



Rajah 3 Lafaz coklat pertanyaan.



Rajah 4 Lafaz coklat sedih.



Rajah 5 Lafaz coklat gembira.

Rajah 3, 4 dan 5 memperlihatkan perbezaan lafaz yang berlaku bagi lafaz kata **coklat**. Bagi Rajah 3, makna emosi yang dipersepsikan ialah pertanyaan. Manakala bagi Rajah 4 dan 5 masing-masing merujuk kepada kata **coklat** dengan emosi sedih dan kata **coklat** yang membawa makna emosi gembira seperti dalam konteks menarik perhatian kanak-kanak yang menggemari coklat.

Sehubungan dengan itu, sama ada disedari atau pun tidak, lafaz setiap ujaran sebenarnya memanipulasikan fitur prosodi yang diiringi dengan makna emosi yang tertentu. Sebagai khalayak yang mendengar, persepsi dilakukan untuk penginterpretasian makna ujaran. Sungguhpun tidak dapat dinafikan akan terdapatnya perbezaan persepsi antara seseorang individu dengan seseorang individu yang lain, kesimpulan terakhir yang akan diperoleh akan tetap memperlihatkan kecenderungan yang sama. Ini kerana dari aspek lafaz dan persepsi sudah ada semacam norma persepsi dan penginterpretasian makna yang akan diterima pakai dalam sesuatu kelompok masyarakat penutur sesuatu bahasa. Pernyataan ini telah pun dinyatakan oleh sarjana barat, tempatan dan catatan dalam Surah Luqman.

Once when I visited an American Indian school, one of the lads told me that the teachers (white) talked too loud! In some cases this has been interpreted by Indian students to mean anger or that teacher is mean.

(Key, M.R., 1975)

... it is bad manners to speak in an unnecessarily loud voice. Its amounts to shouting at the person addressed or to suggesting that he is hard of hearing. And shouting is generally expressive of anger or impatience, while presuming a person to be deaf is itself impolite.

(Za'ba, 1950)

Dan sederhanalah dalam perjalanan engkau dan lunakkanlah suara engkau. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara himar (keldai).

(Surah Luqman, 31:19)

Penyataan ini secara langsung memperkukuh perbincangan sebelum ini, iaitu pemanipulasian fitur prosodi semasa komunikasi berlangsung. Di samping memberi makna emosi sesuatu ujaran, manipulasi fitur prosodi ini juga menggramatiskan ayat yang tidak gramatis dari segi struktur ayat yang dibina, rujuk (Asraf, 1988). Contohnya, struktur ayat yang mengandungi lima deretan kata sayang, menjadi gramatis apabila dilafazkan dengan intonasi yang tertentu, mengikut pola ayat bahasa Melayu, seperti dalam *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim *et al.*, 2008:344-45), empat pola, iaitu FN+FN, FN+FK, FN+FA dan FN+FS.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini bersifat multidisiplin, iaitu gabungan tiga disiplin yang berbeza menjadi satu, linguistik, kesusasteraan dan muzikologi. Atas hipotesis linguistik bahawa seperti komunikasi lisan, penyampaian syair Melayu juga akan mengaplikasikan aspek prosodi dalam menyampaikan mesej dalam syair. Penyelidikan ini menggunakan lima metodologi selain metodologi asas, iaitu kajian pustaka. Berikut merupakan kaedah yang diambil:

Kerja lapangan – kerja lapangan melibatkan proses menemu bual dan rakaman bacaan syair secara audio. Kerja lapangan dilakukan di zon penyelidikan yang telah dikenal pasti. Informan yang telah dikenal pasti ini hasil bantuan daripada orang perseorangan yang terlibat secara aktif dalam

INDIRAWATI ZAHID

acara kesenian negeri, dan daripada Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri.

Temu ramah – Temu ramah yang dilakukan melibatkan beberapa persoalan asas seperti pengetahuan informan tentang syair Melayu, melodi syair, cara pembacaan syair dan dari mana informan mendapat pengetahuan dan kemahiran melagukan syair dengan melodi yang tertentu.

Rakaman audio – Rakaman audio dilakukan dengan penggunaan alatan khas, iaitu alat perakam audio bunyi berkualiti tinggi yang hasil akhirnya sama seperti rakaman dalam bentuk CD. Format audio ialah MP3.

Eksperimental – Data bunyi, iaitu syair yang dirakamkan itu kemudiannya ditukarkan formatnya dalam wave. Data bunyi dimasukkan dalam komputer yang mempunyai perisian PRAAT. Melalui program PRAAT, data bunyi ini divisualisasikan parameter yang menjadi fokus ukuran. F0-nya, iaitu fundamental frekuensinya, intensiti, iaitu kelantangan suara, dan durasi, iaitu kepanjangan yang wujud semasa penyampaian syair.

Analisis data – Analisis melibatkan proses stilisasi, iaitu proses penghasilan garis lurus yang paling minimum untuk membantu proses pelabelan yang dilakukan. Proses stilisasi ini melibatkan proses penyingkiran mikrintonasi yang wujud dalam sesuatu lafaz bunyi. Penyingkiran mikrintonasi ini tidak akan menjejaskan kualiti bunyi asli data bunyi yang telah dianalisis.

Lokasi Penyelidikan

Lokasi penyelidikan ini meliputi seluruh Semenanjung Malaysia yang dibahagikan kepada empat zon penyelidikan, iaitu Zon Utara (Perlis, Kedah, Langkawi dan Pulau Pinang), Zon Selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan), Zon Timur (Kelantan dan Terengganu) dan Zon Barat (Kuala Lumpur, Selangor, Perak dan Pahang), Sabah dan Sarawak, Indonesia yang mencakupi dua kawasan, iaitu Pekan Baru, Riau dan Medan, Sumatera serta Brunei Darussalam.

Informan

Informan yang terlibat dalam penyelidikan ini merupakan informan terpilih yang dikenal pasti terlebih dahulu oleh beberapa pihak sebelum penyelidik

ke lokasi penyelidikan. Informan yang telah melalui proses penyaringan ini berjumlah 50 orang dan mempunyai kebolehan dan kepakaran dalam menyampaikan syair Melayu dengan pelbagai melodi. Kebanyakan daripada informan ini merupakan penggiat seni dan budaya negeri.

PROSODI DALAM LINGUISTIK

Prosodi merupakan terminologi yang digunakan dalam suprasegmental fonetik dan fonologi. Prosodi dirujuk secara kolektifnya sebagai variasi dalam kelangsingan, kelantangan, kepanjangan (tempo) dan ritma¹ (Crystal, D, 1997). Sehubungan dengan pernyataan ini maka fitur prosodi yang tersebut di atas digunakan dalam komunikasi secara terancang apabila sesuatu komunikasi berlaku. Pengguna bahasa secara sedar ataupun tidak menggunakan fitur ini selari dengan apa yang ada dalam fikiran mereka untuk memastikan objektif komunikasi yang dihasratkan tercapai.

Dalam linguistik, aspek prosodi (Arnfield, S.C., 1996) merupakan aspek yang sering disamakan dengan intonasi², walau bagaimanapun prosodi merupakan satu aspek yang lebih luas yang terangkum di dalamnya juga intonasi, kelangsingan, tekanan, aksen, tempo, ritma dan sebagainya. Penggunaan fitur ini dalam bahasa Melayu sebenarnya tidak mempengaruhi makna leksikal bahasa Melayu. Sebaliknya, penggunaan fitur ini memberikan kesan makna emosi kepada sesuatu kata dan ayat yang diujarkan. Pada peringkat makna nahu, sesuatu ayat akan mempunyai makna yang sama selari dengan makna setiap leksikal yang membina sesuatu struktur ayat. Perhatikan contoh ayat seruan di bawah;

Amboi! Cantiknya muka awak.

Makna nahu pada ayat seruan di atas bermaksud luahan rasa kekaguman terhadap raut wajah seseorang. Walau bagaimanapun apabila ayat ini dilafazkan dengan intonasi yang tertentu, makna ayat ini sudah berubah daripada makna yang dinyatakan seperti di atas. Makna baharu, iaitu makna emosi yang dipersepsi apabila dilafazkan dengan cara yang berbeza daripada yang standardnya, akan menjadi makna emosi sindiran kepada seseorang yang akhirnya akan membawa kesan negatif dan tidak dapat diterima oleh penutur jati bahasa Melayu.

Kebijaksanaan pengguna bahasa Melayu dalam memanipulasikan fitur prosodi ini akan dapat menyampaikan makna tersirat yang tidak diperolehi secara tersurat. Persepsi makna emosi orang kedua, iaitu pendengar yang

mendengar ujaran ini akan sering kali selari dengan apa yang dihasratkan oleh penutur. Kecenderungan untuk berlakunya masalah salah faham pula amat kecil dalam kalangan penutur asli bahasa Melayu kerana pengetahuan dan kemahiran menggunakan intonasi dengan betul dan tepat sudah diperoleh sejak awal usia mereka. Menurut pendapat sarjana barat, Keys, M.R (1975), aspek intonasi merupakan elemen pertama yang dikuasai oleh seorang bayi dan merupakan elemen terakhir yang akan hilang apabila seseorang itu mempelajari bahasa asing. Pernyataan ini sekali gus memperkukuh kedudukan aspek ini dalam kemahiran berbahasa pada diri seseorang pengguna bahasa.

Dalam intonasi, aspek yang dirujuk dalam ujaran ialah turun naik nada suara sepanjang komunikasi berlangsung dan pergerakan nada ini berlaku sepanjang ujaran terlafaz, seperti yang dinyatakan pada bahagian awal perbincangan ini. Ini dilakukan secara terancang untuk tujuan mencapai objektif yang tertentu. Dalam pergerakan kelangsingan pula terdapat konsep yang dinamakan sebagai aksens langsing (*prominence*) yang dirujuk sebagai nada yang paling ketara dalam sesuatu ujaran yang terlafaz. Aksens langsing ini berfungsi sebagai penanda kepada fokus dalam ujaran. Perhatikan ayat di bawah;

A: Siapakah yang paling nakal dalam kelas itu?

B: Yang paling nakal dalam kelas itu, Ahmad.

Dalam ujaran B, lafaz ujaran bagi kata Ahmad akan dipersepsi lebih diberikan tekanan berbanding dengan kata-kata lain yang membina ayat di atas. Persepsi tekanan yang lebih ini dirujuk sebagai aksens langsing dan lazimnya apabila aksens langsing digunakan pada mana-mana kata dalam sesuatu ujaran, maka kata yang tersebut dirujuk sebagai fokus. Fokus ini juga sering kali ialah maklumat baru dalam sesuatu ujaran.

Di samping itu, penggunaan fitur prosodi yang tertentu berperanan sebagai proses segmentasi unit maklumat dalam sesuatu ujaran. Ujaran di bawah memperlihatkan kasus ini;

- (i) Ali dan Ahmad // dengan Aminah pergi ke sekolah.
- (ii) Ali // dan Ahmad dengan Aminah pergi ke sekolah.

Pernyataan dan kasus ini memperlihatkan bahawa manipulasi fitur prosodi dan proses segmentasi (proses pemenggalan) unit maklumat dilakukan secara serentak dan terancang dalam memastikan makna emosi

yang menjadi objektif lafaz akan tercapai. Ringkasnya, penggunaan fitur prosodi dalam bahasa Melayu antaranya adalah untuk menandakan makna emosi, fokus dan juga segmentasi unit maklumat.

PROSODI DAN SEGMENTASI MAKLUMAT DALAM SYAIR MELAYU

Perbincangan pada bahagian sebelum ini memperlihatkan fungsi fitur prosodi dan proses segmentasi yang berlaku dalam ujaran. Sebagaimana ia teraplikasi dalam ujaran lisan, hal yang sama sebenarnya juga berlaku dalam penyampaian karya seni seperti lagu, persembahan teater, persembahan bangsawan, karya-karya sastera seperti sastera lisan, iaitu puisi Melayu tradisional, syair, pantun, gurindam dan sebagainya. Penggunaan fitur prosodi dan proses segmentasi dalam puisi ini dimanipulasi secara optimum. Hal ini kerana, lazimnya dalam karya sastera, misalnya puisi, aspek *poetic license* merupakan satu kelonggaran dalam aspek nahu, misalnya dalam struktur kata dan struktur ayat yang digunakan oleh pengkarya dalam menghasilkan karya mereka. Ironinya, kebijaksanaan pencipta karya seni ini sebenarnya terserlah melalui proses pemilihan kata yang telah dilakukan dengan tepat dan persis dengan gambaran mesej yang ingin disampaikan (<http://www.wordthrill.com/define/poetic+license/>).

Menerusi penyelidikan³ yang dilakukan hampir dua tahun, mulai Disember 2006–Ogos 2008. Beberapa lokasi penyelidikan telah dikunjungi, iaitu di Malaysia, Brunei dan Indonesia. Kesemua informan yang ditemui mempamerkan manipulasi fitur prosodi dalam pelbagai versi melodi dan proses segmentasi unit maklumat. Ratusan jumlah melodi telah terkumpul. Daripada ratusan jumlah melodi yang dianalisis, melodi yang terpilih ialah 13 melodi yang mewakili mesej syair. Sehubungan dengan itu, terdapat melodi yang jelas memperlihatkan segmentasi unit maklumat, manakala terdapat juga melodi syair yang tidak memperlihatkan proses segmentasi yang jelas. Untuk kasus yang kedua, informan memanipulasi fitur prosodi yang dioptimumkan penggunaannya. Menerusi penyelidikan, dari aspek penyampaian, melodi syair didapati tidak mempunyai tempo yang tertentu. Sebaliknya, tempo dalam syair ditentukan oleh kemampuan penyair dalam mensyairkan sesuatu syair dan melodi yang dipilih.

Penggunaan fitur prosodi dalam syair didapati antaranya berfungsi sebagai penanda kepada permulaan dan akhir sesebuah rangkap dalam syair, makna emosi (mesej dalam syair), segmentasi unit maklumat dan fokus. Situasi ini sama seperti dalam komunikasi lisan, iaitu apabila sesuatu

ujaran dimulai dengan nada awal (*initial tone*) yang ternyata berbeza dengan nada akhir (*final tone*) mengiringi makna emosi, segmentasi unit maklumat dan penandaan fokus ujaran. Sebagai penutur jati bahasa Melayu, kesemua yang diperkatakan ini dapat dibezakan dengan jelas oleh pendengar. Sementara itu, proses segmentasi unit maklumat yang berlaku dirujuk sebagai proses mengelompokkan unit maklumat menurut kandungan mesej yang hendak disampaikan (M.A.K. Halliday, 1967).

Sehubungan dengan pernyataan ini, dalam syair Melayu terdapat proses segmentasi yang berlaku secara standard polanya bagi struktur lazim syair, iaitu yang mempunyai empat perkataan dalam satu baris. Setiap dua kata dalam baris itu dipisahkan atau disegmenkan sebagai satu unit maklumat, manakala bagi struktur yang tak lazim, proses segmentasi unit maklumat yang berlaku ialah melalui pemanipulasian fitur prosodi. Justeru, perbincangan lanjut berdasarkan hasil penyelidikan yang dilakukan ini akan dirincikan menurut subtajuk seperti yang berikut:

Korelasi Struktur dengan Segmentasi Unit Maklumat dalam Syair Melayu

Perbincangan dalam syair sebelum ini banyak membincangkan tentang struktur syair dan temanya. Tidak keterlaluan jika dikatakan perbincangan tentang pemilihan kata juga ada dilakukan walaupun tidak begitu banyak jumlahnya. Walau bagaimanapun, perbincangan tentang pola segmentasi unit maklumat dalam baris-baris syair yang membentuk satu rangkap syair sehingga kini belum ditemui.

Rata-ratanya struktur lazim sebuah syair ialah satu rangkap terdiri daripada empat baris dan setiap rangkap mempunyai empat perkataan. Manakala dari aspek bilangan suku katanya pula ialah antara 8–12 suku kata dengan rima aaaa (Harun Mat Piah, 1989). Struktur syair boleh dibahagikan kepada dua, iaitu struktur lazim seperti pernyataan yang di atas, manakala struktur tak lazim yang bermaksud tidak memenuhi struktur standard yang dinyatakan sebelum ini. Justeru, proses segmentasi maklumat yang berlaku dapat dibincangkan seperti yang berikut:



Struktur Lazim

Dengan binaan yang sedemikian rupa, didapati proses penyampaian syair memperlihatkan pembahagian struktur syair kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama dan bahagian kedua. Bahagian pertama syair merupakan



PROSODI DALAM SYAIR MELAYU

dua perkataan pertama dalam setiap baris syair, manakala bahagian kedua merupakan dua perkataan terakhir dalam setiap baris syair. Pembahagian ini merujuk kepada struktur lazim dalam syair. Ini bererti dua perkataan pertama menjadi satu segmentasi unit maklumat, manakala dua perkataan yang terakhir menjadi satu segmentasi unit maklumat yang berikutnya. Dalam contoh yang dipaparkan ini, segmentasi unit maklumat berlaku dengan jelas, iaitu ditandai oleh jeda (*pause*) yang berfungsi memisahkan struktur syair kepada dua bahagian.

Nasib Melayu // semakin mengambang,
 Terombang-ambing // sepanjang waktu,
 Dikatakan mundur // nampaknya maju,
 Pusaka punah // satu per satu.



Rajah 6



Samb. **Rajah 6**

Kalau ditengok // selayang pandang,
 Di bumi Melayu // pembangunan berkembang,
 Kilang menyemut // perkebunan terbentang,
 Tetapi semuanya // dimiliki orang.

(*Syair Nasib Melayu*, Tenas Effendy, 2005)

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, contoh yang tersebut di atas, memperlihatkan proses segmentasi unit maklumat yang secara jelas memaparkan pengelompokan unit maklumat bagi setiap segmentasi yang dilakukan mempunyai makna mesej yang ingin disampaikan dalam sesebuah syair.



Dalam penyampaian syair struktur lazim, selain proses segmentasi unit maklumat yang berlaku secara jelas, terdapat juga proses segmentasi unit maklumat yang berlaku secara tidak jelas. Penyair didapati memanipulasi fitur prosodi dalam menandai segmentasi unit maklumat dalam baris-baris syair. Dalam kasus ini, penyair akan menggunakan fitur prosodi seperti tempo atau kelangsingan dan kelantangan suaranya sesuai dengan melodi syair yang dibawa. Perhatikan grafik bagi contoh yang berikut, syair yang

PROSODI DALAM SYAIR MELAYU



disampaikan oleh Wan Ismalinda. Tanpa ada segmentasi unit maklumat sebaliknya manipulasi fitur prosodi berlaku.

Perhatikan contoh yang berikut dan grafik signal akustiknya;

Dengarkan tuan suatu peri,
 Syair dikarang dagang yang ngari,
 Bukan menunjukkan bijak bestari,
 Sekadar menghiburkan hati sendiri.



Rajah 7







Samb. Rajah 7

Sungguhpun dalam grafik di atas kelihatan kewujudan jeda (pause), tetapi penggunaan jeda ini bukan sebagai segmentasi unit maklumat seperti yang dibincangkan sebelum ini, sebaliknya jeda yang digunakan oleh informan ini merupakan sebahagian daripada pola melodi syair yang disyairkan. Dalam kasus ini mesej syair seperti fokus ditandai dengan penggunaan fitur prosodi.

Perhatikan contoh yang berikut dengan melodi yang berbeza (Syair ini disyairkan dalam dialek Johor-Riau).

Setelahlah malam sudahlah nyata,
 Lalu berangkat duli mahkota,
 Ke istana Zubaidah lela kota,
 Naik istana langsunglah serta.

PROSODI DALAM SYAIR MELAYU





Rajah 8

INDIRAWATI ZAHID

Dirapatnya Zubaidah mengajar muridnya,
 Membaca Quran sangat merdunya,
 Muridnya banyak mengajar ianya,
 Baginda pun tidak jua dilihatnya.



(*Syair Siti Zubaidah Perang China, 1983*)

Sehubungan dengan itu secara logiknya proses segmentasi unit maklumat akan berlaku sama seperti proses segmentasi unit maklumat yang jelas seperti yang dibincangkan sebelum ini.



Rajah 9

PROSODI DALAM SYAIR MELAYU



Samb. Rajah 9

Paparan grafik di atas merupakan dapatan daripada dua informan yang berbeza. Kedua-dua informan menyanyikan syair yang dipilih dengan melodi yang berbeza. Sungguhpun melodi syair berbeza, ternyata kedua-dua informan tidak melakukan segmentasi unit maklumat secara jelas, sebaliknya apa yang berlaku ialah kedua-dua informan memanipulasikan fitur prosodi kelangsingan dan kelantangan suara atau tempo dalam menandai segmentasi unit maklumat dan fokus mesej dalam syair.

Struktur Tak Lazim

Struktur tak lazim antaranya merujuk kepada bilangan perkataan dalam satu baris yang tidak seragam, iaitu ada yang mempunyai tiga perkataan, lima perkataan atau lebih dari itu. Malah bilangan baris dalam satu rangkapnya juga sudah melebihi daripada empat baris. Sehubungan dengan itu, perbincangan seterusnya akan memperlihatkan analisis segmentasi unit maklumat yang berlaku terhadap struktur baris syair yang mempunyai tiga

INDIRAWATI ZAHID

perkataan dan lima perkataan dalam satu baris yang telah ditemui dalam penyelidikan.

Contoh⁴ yang berikut pula memaparkan bentuk rangkap syair yang salah satu barisnya terdiri daripada tiga perkataan dalam satu baris dan segmentasi unit maklumat dibahagikan kepada dua bahagian.

Ayahanda bertanya // sehari-hari,
Kepada dayang // lela bestari,
Katanya sangat //dikasihani puteri,
Kepada Siti // (hai) Bidasari.

Atau

Kepada Siti // (Siti) Bidasari.

(*Syair Siti Zubaidah Perang China*, 1983)

Proses segmentasi yang dilakukan ini tidak dilakukan secara sewenang-wenangnyanya, sebaliknya setiap kali kumpulan penyelidik meminta mana-mana informan yang menyanyikan mana-mana rangkap syair, kesemua informan akan mengambil sedikit masa untuk meneliti rangkap syair yang diberikan untuk beberapa sebab. Pertama, untuk memahami mesej syair, kedua, memastikan proses segmentasi berlaku pada tempat yang betul bagi tujuan menyampaikan makna mesej dengan tepat dan yang ketiga, memastikan bagaimana sesuatu rangkap syair itu mesti disyairkan.

Sehubungan dengan itu, seperti yang dinyatakan pada bahagian awal, pencipta sesebuah syair merupakan seorang yang bijaksana dalam melakukan proses pemilihan kata⁵ bagi menjamin ketepatan dan kepersisan dalam menyampaikan sesuatu mesej dalam syair. Kebijaksanaan ini perlu kerana struktur syair yang terhad jumlah katanya dan ketetapan rima rangkapnya perlu dipatuhi dalam proses penghasilannya.

Lanjutan itu, rangkap-rangkap syair dianalisis untuk mendapatkan pola segmentasi unit maklumat sehingga proses segmentasi berlaku secara tetap atau tidak, iaitu bagi struktur lazim dan tak lazim syair Melayu. Berikut ialah pola segmentasi yang berlaku secara manipulasi fitur prosodi dan segmentasi unit maklumat.


Struktur tak lazim, iaitu tiga dan lima perkataan dalam satu baris. Dalam proses segmentasi ini, jumlah suku kata yang menjadi syarat penciptaan syair dikekalkan, iaitu 8-12 suku kata. Ternyata, sering kali julat jumlah suku kata ini dibayangi dengan jumlah perkataan dalam sesuatu syair. Sungguhpun perkataan kelihatan berjumlah tiga atau lima, jumlah

suku kata yang digunakan masih tetap dalam lingkungan yang ditentukan. Justeru, lazimnya penyair akan melakukan pemanipulasian fitur prosodi tertentu misalnya tempo dalam menyempurnakan sesuatu melodi syair walaupun pada aras lihatan jumlah kata yang digunakan sekadar tiga perkataan atau seperti yang dinyatakan pada bahagian yang sebelumnya penambahan kata **hai**, partikel **-lah** dan **siti** digunakan. Contoh syair oleh Meriam Awang Che Lah dari Kota Bahru, Kelantan dan Siti Aisyah dari Medan, Sumatera memperlihatkan tiada proses penambahan kata berlaku. Rangkap syair yang berikut, iaitu baris ke-3 rangkap tersebut, ternyata informan menggunakan fitur prosodi tempo untuk mencukupkan melodi syair.

Adapun akan di dalam istana,
Permaisuri lela mengerna,
Di dalam kecoh terlalu kena,
Ia pun bersalin dengan sempurna.

(*Syair Dandan Setia*, 1954)

Perhatikan paparan Rajah 10 yang memperlihatkan kelangsingan tinggi informan secara perlahan-lahan menurun bersesuaian dengan tempo semasa lafaz kata permaisuri dilakukan. Dalam menyempurnakan melodi, informan memanipulasikan fitur prosodi dengan mensegmentasikan suku kata dalam kata permaisuri (asalnya empat suku kata) menjadi dua, iaitu **permai** dan **suri** bagi menggantikan jumlah perkataan yang seharusnya ada dalam satu baris sesuatu syair, iaitu empat perkataan satu baris. Informan mulai memanipulasikan fitur prosodi tempo dan kelangsingan suku kata pertama dan kedua, **permai** dalam kata **permaisuri** yang dilafazkan sekali gus, iaitu dengan tempo 0.6 s (248.1-359.1Hz) manakala bagi suku kata tiga dan empat, iaitu **suri** yang dilafazkan sekali gus mencatatkan tempo 1.30 s (380.6–274.0 Hz). Kelangsingan yang mulai merendah ini kekal terus sehingga kata akhir dalam baris syair ini, 226.6Hz dengan catatan tempo 1.9s.




Rajah 10

Demikianlah tuannya kakanda,
 Jika berputra gerakan adinda,
 Sampai kehendak di dalam dada,
 Mungkinkah janji kakanda tiada.

(Petikan daripada informan di Medan, Sumatera, Siti Aisyah)

Sementara dalam contoh rangkap syair di atas, dalam usaha menyempurnakan melodi syair, informan telah memanipulasikan fitur prosodi, iaitu tempo dan kelangsaan suaranya sebagai penanda fokus dalam syair. Perhatikan Rajah 11 yang berikut:



Rajah 11

Dalam baris pertama syair ini, informan telah melafazkan perkataan demikian sebagai satu lafaz diikuti dengan partikel **-lah** sebagai satu perkataan yang berasingan untuk menjadikan tiga perkataan dalam satu baris pada aras lihatan menjadi empat perkataan dalam satu baris pada aras dngaran. Perkataan demikian dilafazkan dengan tempo 0.9s (280.1–412.4Hz), partikel **-lah**, 1.3 s (396.7–412.6Hz) dan kelangsingan kekal menurun untuk segmentasi unit maklumat yang berlaku pada dua perkataan yang akhir dalam baris syair.

Sementara itu, bagi informan yang bernama Sarbanun Marican, baris keempat dalam rangkap syair di bawah, ditambah dengan kata **hai** atau **Siti**.

Ayahanda bertanya // sehari-hari,
Kepada dayang // lela bestari,
Katanya sangat //dikasihani puteri,
Kepada Siti // (**hai**) Bidasari.

Atau

Kepada Siti // (**Siti**) Bidasari.

(*Syair Siti Zubaidah Perang China*, 1983)

Sementara itu, bagi contoh yang berikut, iaitu kehadiran lima perkataan dalam satu baris, segmentasi unit maklumat telah dilakukan secara jelas dengan baris keempat rangkap syair di bawah, tiga perkataan pertamanya dikelompokkan menjadi satu unit maklumat.


Nasib Melayu // nama dikarang,
Melayu dahulu // hingga sekarang,
Walaupun banyak // dikaji orang,
Tak ada salahnya // diulang-ulang.

Berbanding pula dengan rangkap syair yang berikut, baris keempat syair ini, tiga kata terakhirnya dikelompokkan menjadi satu unit maklumat.

Demikianlah syair // Nasib Melayu,
Benar salahnya // Allah yang tahu,
Melepaskan hasrat // di dalam kalbu,
Mengingat orang // yang belum tentu.

(*Syair Nasib Melayu karya*, Tenas Effendy, 2005)

Keadaan yang sama juga bagi rangkap syair yang berikut, iaitu baris kedua rangkap syair ini telah memperlihatkan pemanipulasian fitur prosodi dilakukan.



Rajah 12

Mintalah doa sehari-hari,
 Berapa kedua laki dan isteri,
 Mohonkan putra bijak bestari,
 Hendak dijadikan mahkota negeri.

(Petikan daripada informan di Medan, Sumatera, Siti Aisyah)

Rajah 12 di atas memperlihatkan informan yang bernama Siti Aisyah ini telah memanipulasikan fitur prosodi kelangsingan, kelantangan suara dan tempo bagi menandai fokus dalam segmentasi unit maklumatnya. Baris kedua syair ini mempunyai lima perkataan. Dalam usaha menyempurnakan melodi syairnya informan telah mengelompokkan dua perkataan, iaitu **laki** dan sebagai satu lafaz bagi menjadikan dua perkataan ini menjadi satu pada aras dengarannya. Dalam baris ini, ternyata, informan menarik perhatian khalayak yang mendengar fokus baris syair ini, iaitu kata **kedua**. Kata ini merujuk kepada penekanan maklumat yang menjadi fokus seterusnya berhubungan dengan doa telah dimohon oleh kedua-duanya suami dan isteri.


Merujuk kepada kasus-kasus di atas, proses segmentasi maklumat ternyata berhubung dengan melodi yang disampaikan oleh seseorang penyair dan terikat dengan mesej dalam syair yang menjadi fokus. Penyair akan memanipulasikan fitur prosodi yang tertentu dalam usaha menyampaikan mesej syair atau melakukan proses segmentasi unit maklumat yang jelas selain memanipulasikan fitur yang ada. Jika proses kedua yang dipilih oleh seseorang penyair, manipulasi prosodi yang berlaku dapat dikatakan tidak serencam manipulasi fitur prosodi bagi kasus yang pertama.

Manipulasi Fitur Prosodi dan Polanya dalam Syair Melayu


Seperti yang dinyatakan dalam perbincangan sebelum ini, manipulasi fitur prosodi dilakukan oleh seseorang penyair dengan kesesuaian mesej, melodi dan kemampuan mereka sendiri dalam menyampaikan sesuatu syair. Sungguhpun terdapat dua keadaan yang dinyatakan sebelum ini, iaitu berlaku dan tidak berlakunya segmentasi unit maklumat dalam struktur syair, kecenderungan pola melodi ternyata masih dapat diperlihatkan dengan menganalisis fitur prosodi kelangsingan suara, kelantangan suara dan kepanjangan. Dalam prosodi, kelangsingan dan kelantangan suara akan berlaku serentak kerana lebih tinggi kelangsingan suara yang berlaku, maka kelantangan juga akan dapat dipersepsi dengan jelas. Ini berbeza dengan kepanjangan (tempo) yang merujuk kepada sifat yang bertentangan dengan kelangsingan, iaitu apabila lafaz tempo lebih panjang, ini bererti kadar kelangsingannya akan menjadi rendah.

Kecenderungan penggunaan fitur prosodi yang kerap digunakan dalam penyampaian syair Melayu ialah kepanjangan (tempo) yang dapat dilihat dalam paparan Rajah 6 hingga Rajah 12 dalam halaman sebelum ini. Ratanya-ratanya dalam variasi melodi yang ditemui, perkataan akhir dalam sesuatu syair akan mempunyai tempo yang panjang berbanding dengan tempo yang digunakan untuk bahagian awal dan tengah syair. Penyataan ini teraplikasi terhadap kesemua syair yang dikumpul dan dianalisis sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Kepanjangan tempo sering kali berlaku pada suku kata pertama, tengah atau akhir pada perkataan akhir dalam setiap baris rangkap syair. Dalam Rajah 13 di bawah, informan memanipulasikan fitur yang dinyatakan di atas.

Paparan di bawah memperlihatkan manipulasi fitur prosodi yang dilakukan oleh informan yang bernama Wan Ismalinda.



Rajah 13



Samb. **Rajah 13**

Merujuk kepada melodi yang disampaikan oleh informan ini, kecenderungan yang dapat dilihat melalui melodi yang disyairkan ialah berlakunya kepanjangan tempo bagi setiap perkataan akhir dalam rangkap syair yang disyairkan. Malah dalam grafik yang terpapar, ternyata informan ini memanipulasikan fitur prosodi bagi perkataan akhir

dalam setiap baris syair dengan dua cara, iaitu sama ada memanjang atau memendekkan lafaz mana-mana satu suku kata yang ada dalam perkataan akhir dalam baris tersebut. Perhatikan baris pertama **pe... ri**; baris kedua, **ngari...**; baris ketiga, **ta...ri** dan baris keempat **sendiri ...** . Dalam melodi ini juga, proses segmentasinya tidak jelas berlaku kerana informan ternyata memanipulasikan fitur prosodi secara optimum untuk mengaburi pendengaran khalayak sebaliknya menarik perhatian khalayak pendengarnya dengan kelangsaan, kelantangan suara atau tempo yang digunakan.

Justeru, tidak keterlaluan jika dikatakan manipulasi fitur prosodi dan polanya dalam cara menyanyikan sesuatu syair bergantung pada kemampuan seseorang penyair dalam memelodikan sesebuah syair seperti yang dikehendaki. Terdapat melodi syair yang mudah untuk disampaikan dan terkenal dalam kalangan masyarakat sejak lama dahulu, iaitu melodi yang dilabelkan sebagai Siti Zubaidah atau Selendang Delima. Melodi syair sebegini ternyata jelas mensegmentasikan unit maklumatnya kepada dua bahagian berbanding dengan melodi yang disampaikan oleh informan Wan Ismalinda, Siti Aisyah, Zarina dan sebagainya.

Berdasarkan penyelidikan yang dilakukan, melodi syair yang mempunyai banyak variasi ini hanya digunakan untuk menarik perhatian khalayak tentang sesuatu maklumat yang hendak disampaikan secara sederhana⁶ tanpa secara jelas menggunakan prosodi “khusus” dalam menyampaikan mesej marah, berperang dan sebagainya. Yang lazim berlaku, melodi mendayu-dayu tetap terpakai pada rangkap syair yang beremosi marah, kekerasan, peperangan dan sebagainya.

Melodi syair yang cepat, ringkas dan berprosodi yang sesuai dengan mesej sebenarnya perlu bagi makna emosi kekerasan, peperangan, marah dan sebagainya, kerana makna perkataan yang terungkap pada aras nahu tidak akan dapat memikul kesan makna emosi yang efektif tanpa melibatkan prosodi yang tepat dalam lafaz. Dalam menarik khalayak menghayati mesej syair dengan baik, maklumat yang dinyatakan oleh Tenas Effendy seharusnya tidak dipandang remeh. Usaha harus dilakukan untuk mendokumentasikan semula melodi yang tersebut sekiranya masih ada. Seandainya sudah pupus maka kumpulan penyelidik (seperti yang sedang dan telah dilakukan) melakukan analisis yang mendalam untuk memadansuaikan variasi melodi yang sedia terkumpul untuk mesej syair yang sedemikian rupa dengan tema syair seperti nasihat, agama, romantik dan sebagainya. Namun begitu, kumpulan penyelidik tetap berpendapat tidak semua rangkap dalam syair

INDIRAWATI ZAHID

harus dilagukan kerana ada rangkap yang terlalu panjang ayatnya, wujud perkataan yang kasar dan tidak sesuai untuk dilagukan.

Yang berikut merupakan antara contoh rangkap syair yang dimaksudkan;

Contoh: (*Syair Singapura Terbakar*, halaman 126)

Bunyinya riuh bukan buatan,
Dipukul Inggeris pula dengan rotan,
Katanya: “ Lu orang betul syaitan!
Patutlah lu orang tinggal di hutan.

“Goa pulak hendak dipaksa,
Datuk memberi sebarang bahaya,
Goa nan tidak ada berdosa,
Banyak bicara tidak kuasa,
Goa punya barang manalah suka,
Datuk belum mengasi harta.”

(*Syair Siti Zubaidah Perang China*, 1983:23)

Contoh petikan daripada *Warisan Puisi Melayu*, 1979 halaman 86 dan 83;

Yamtuan Muda berkata,
Sambil menyapu airnya mata,
“Kata adikku cahaya mata,
Benar sungguh di hati beta.”

Adapun segala Bugis yang meta,
Sudahlah ia mendapat kota,
Daing parani pula berkata,
“malam-malam jaga jangan membuta.”

KESIMPULAN

Analisis syair dari aspek prosodi memperlihatkan antara fungsi prosodi dalam syair ialah sebagai penanda kepada segmentasi unit maklumat, fokus dan makna emosi. Sungguhpun syair disampaikan dalam pelbagai variasi melodi, segmentasi unit maklumat sama ada berlaku secara jelas ataupun tidak ternyata dapat dipersepsi oleh khalayak yang mendengar. Bagi segmentasi unit maklumat yang jelas, penyair secara sistematis

menggunakan jeda dalam memisahkan dua unit maklumat dalam syair manakala bagi proses segmentasi unit maklumat yang tidak jelas, penyair memanipulasikan fitur prosodi tertentu dalam menandakan fokus dan maklumat dalam mesej syair yang disyairkan. Ternyata apabila segmentasi unit maklumat berlaku secara jelas, manipulasi fitur prosodi tidaklah serencam seperti yang berlaku sekiranya penyair memilih untuk melakukan segmentasi unit maklumat yang tidak jelas.

Syair Melayu tidak mempunyai tempo, justeru penyampaiannya bergantung pada kemampuan seseorang penyair dan melodi yang ingin digunakan. Apa yang ditekankan dalam penyampaian syair oleh seseorang penyair adalah pemahaman mesej syair itu sendiri dan bagaimana syair itu harus disampaikan dengan kesesuaian segmentasi unit maklumat dan melodi yang sedia diwarisi. Sungguhpun dalam kalangan informan tidak tahu apa itu segmentasi unit maklumat yang telah mereka lakukan semasa mengalunkan sesebuah syair, proses segmentasi yang mereka lakukan sepanjang penyelidikan ini telah dilakukan dengan betul dan tepat kerana kompetensi mereka sebagai orang Melayu yang sedia tahu bagaimana mesej syair itu seharusnya disampaikan dengan melodi tertentu. Malah sebagai khalayak yang mendengar syair, fokus, maklumat dan mesej syair dapat dengan jelas difahami dan dihayati. Ternyata makna emosi akan lebih terkesan apabila fitur prosodi yang tertentu dimanipulasikan tepat dengan mesej syair yang terpilih. Justeru melodi yang mendayu-dayu tentunya lebih sesuai dengan mesej yang mempunyai makna emosi yang sedih, kecewa, putus harapan dan sebagainya. Senario ini dirujuk kepada penyampaian syair oleh seorang informan yang bernama Zarina Saamah semasa menyampaikan *Syair Nasib Melayu* pada 25 Oktober 2007. Ternyata melodi yang dipilih oleh informan ini lebih meninggalkan kesan yang mendalam kepada khalayak pada hari tersebut berbanding melodi lain yang disampaikan dengan menggunakan rangkap syair yang sama.

Dengan pernyataan di atas, kepentingan prosodi dalam penyampaian syair seharusnya diajarkan dengan betul bagi menyampaikan sesuatu mesej syair itu dengan tepat dan sesuai dengan makna emosi syair tersebut. Ini merupakan langkah susulan yang perlu diambil dengan kadar yang segera kerana syair telah dipilih sebagai salah satu subtopik dalam pengajaran KOMSAS di sekolah, maka proses pengajaran dan pembelajaran yang betul perlu dilakukan agar warisan harta intelek bangsa ini akan lestari sepanjang masa dan diwarisi dengan apresiasi yang tinggi terhadapnya.

NOTA

- 1 Bentuk pola tertentu misalnya pola tekanan, tanpa tekanan dalam suku kata, kepanjangan (tempo) lafaz suku kata, kelangsingan (tinggi rendah) yang memperlihatkan kekerapannya dalam tuturan.
- 2 Kedua-dua aspek ini menjadi sinonim apabila tiga parameter, iaitu F0 (kelangsingan), intensiti (kelantangan suara) dan durasi (kepanjangan) dianalisis.
- 3 Projek Penyelidikan FRGS Pendokumentasian dan Penotasian Puisi Melayu Tradisional, didanai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Geran Universiti Penyelidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- 4 Contoh ini disyairkan oleh Sarbanun Marican semasa penyelidik melakukan penyelidikan di Kuching, Sarawak pada 23 Februari 2008. Informan menambahkan perkataannya sendiri, iaitu kata Siti atau hai yang ditulis dalam () dalam baris yang tidak mempunyai empat perkataan dalam satu baris bagi menyempurnakan melodi syair. Berlaku juga situasi tiada penambahan kata berlaku apabila penyair menggunakan fitur tempo lafaz kata yang tertentu misalnya dalam *Syair Dandan Setia*, kata **permaisuri** dalam rangkap ke-2 diperpanjangkan tempunya.
- 5 Kumpulan penyelidik telah bertemu dengan dua orang informan yang juga merupakan penulis syair, iaitu Tenas Effendy dan Halim, R. Kedua-dua informan ini memaklumkan bahawa semasa mengusahakan penulisan syair, soal melodi tidak timbul sama sekali, yang dipentingkan ialah objektif penulisan syair tersebut berdasarkan tema yang telah ditentukan. Malah menurut Halim, R syair tulisannya dianggap syair moden kerana memasukkan banyak perkataan Inggeris di dalamnya. Perbincangan ini merujuk kepada syair tulisan beliau yang bertajuk *Syair Kedah Darul Aman*. Dan apabila ditanyakan kemungkinan akan timbul masalah kepada seseorang penyair untuk mensyairkan syair tulisannya, Halim, R memaklumkan kepada mana-mana penyair tersebut, syairkanlah mana-mana rangkap yang mudah dan sesuai melodinya. Menurutnya, penulisan syair yang dilakukan olehnya berfokus kepada mesej yang hendak disampaikan. Soal melodi bukan isu utama.
- 6 Berdasarkan temu bual yang dilakukan, menurut Tenas Effendy, melodi syair di Riau suatu masa dahulu membezakan antara melodi dengan makna emosi marah, sedih, penegasan dan sebagainya. Hanya pada masa kini, ternyata melodi yang merujuk kepada makna emosi sebegini sukar untuk dikesani lagi kerana tidak diwarisi atau diperturunkan kepada generasi muda. Melodi ini dapat dianggap hampir tiada (sepanjang penyelidikan dilakukan, melodi yang diperkatakan oleh Tenas Effendy ini tidak pernah ditemui) dan yang kekal hanyalah melodi yang sedia ada kini dan yang terkenal, iaitu melodi Selendang Delima/Siti Zubaidah.

RUJUKAN

- Abdul Halim, R., 2001. *Syair Kedah Darul Aman*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Abdul Halim, R., 2006. *Sejarah Kedah dalam Syair*. Alor Setar: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abdul Mutalib Abdul Ghani, 1983. *Syair Siti Zubaidah Perang China*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1986. *Nahu Melayu Muktahir*. Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Professional, Publishing Sdn. Bhd.
- Arnfield, S.C., 1996. "Prosody And Syntax In Corpus Based Analysis Of Spoken English". Tesis Ph.D. University of Leeds. School of Computer Studies.
- Asraf H. Wahab, 1988. *Intonasi dalam Hubungannya dengan Sintaksis Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn Bhd.
- Couper-Kuhlen, E., 1986. *An Introduction to English Prosody*. Edward Arnold: London.
- Crystal, D., 1997. *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*. Edisi keempat. Great Britain: Blackwell Publishers Ltd.
- Halliday, M.A.K., 1967. *Intonation and Grammar in British English*. Mouton: The Hague.
- Harun Mat Piah, 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Suatu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://www.wordthrill.com/define/poetic+license/>
- Indirawati Zahid, 2009. "Prosodi Melayu dalam P&P Bahasa Melayu". Kertas Kerja dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa Melayu Bahasa Dunia, Pusat Konvensyen Antarabangsa, Persada Johor, Johor Bahru, 28 September- 30 September 2009.
- Indirawati Zahid, 2009. "Prosodi Melayu: Fokus dalam P&P Bahasa Melayu Secara Eksperimental". Kertas Kerja dalam Prosiding Konvensyen Pedagogi Bahasa Melayu Serantau I, Bahasa Melayu: Suatu Pesona, 3-5 November 2009, Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan.
- Indirawati Zahid "Analisis Semantik dan Prosodi Lagu Cinta" dlm *Jurnal Bahasa*, Mei-Ogos Bil 17, hlm. 35-50, 2009. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Indirawati Zahid, Zahir Ahmad dan Mohd. Nasir Hashim (ed), 2007. *Keindahan Variasi Syair Melayu*. Kuala Lumpur: Kumpulan Penyelidik FRGS Pendokumentasian dan Penotasian Puisi Melayu Tradisional, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Indirawati Zahid, 2007. "Prosodi dalam Tatabahasa Dewan" dlm *Jurnal Bahasa*, Julai-Disember, Bil 12, hlm. 43-50, 2007. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

INDIRAWATI ZAHID

- Indirawati Zahid dan Mardian Shah Omar, 2006. *Fonetik dan Fonologi Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Publishing.
- Indirawati Zahid, 2006. “4 Minit 19 Saat Dealova Yang Mengasyikkan” dlm Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu 2006, di Hotel Armada, Kuala Lumpur, 8-9 November 2006.
- Indirawati Zahid, 2003. “*Kajian Intonasi Fonetik Eksperimental: Realisasi Makna Emosi Filem Sembilu 1 dan 2*”. Tesis Ph.D. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Key, M.R., 1975. *Paralanguage And Kinesics (Nonverbal Communication)*. Metuchen, N.J.: The Scarecrow Press, Inc.
- Mohd. Taib Osman, 1979. *Warisan Puisi Melayu*. Kementerian Pelajaran Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 2008. *Tatabahasa Dewan*. Edisi ketiga. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Syair Dandan Setia*, 1954. Maktabah wa Matba’ah Sulayman Mar’i.
- Tenas Effendy, 2005. *Syair Nasib Melayu*. Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu bekerjasama dengan Penerbit AdiCita: Yogyakarta.
- www.praat.org
- Zainal Abidin Ahmad (Za’ba), “Malay Manners and Etiquette” *JMBRAS* Jilid XXIII, hlm. 43-74. August 1950.
- Zainal Abidin Ahmad (Za’ba), 2000. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.